

MAHATHIR-UTM 'R'R'R

1982

JOHOR BAHRU, 23 NOB. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN HARI INI BAHAWA BELIAU MAHUKAN KEJAYAAN MEMBINA KAMPUS INDUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DEKAT SINI DIJADIKAN SEBAGAI BOKTI DAN LAMBANG KEBOLEHAN ORANG MELAYU DALAM BIDANG PEMBINAAN.

BELIAU MENGINGATKAN PARA BELIA BUMIPUTERA YANG DILATIH BEKERJA MEMBINA KAMPUS ITU JANGAN MENGGAGALKAN PROJEK TERSEBUT.

KATA PERDANA MENTERI JIKA PROJEK ITU GAGAL, MARUAH DAN KEHORMATAN ORANG MELAYU AKAN TERJEJAS DAN DALAM KEADAAN DEMIKIAN +KITA TIDAK BOLEH SALAHKAN ORANG LAIN JIKA MEREKA TIDAK MENGHORMATI KITA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP KEPADA LEBIH 300 ORANG BELIA BUMIPUTERA PELATIH DI KEM LATIHAN KEMAHIRAN KOBENA-SAMBU DI KM.24 JALAN PONTIAN DEKAT SINI.

KEM ITU DIDIRIKAN KHAS OLEH KOBENA-SAMBU FIRMA USAHASAMA ANTARA KOPERASI BELIA NASIONAL DENGAN SEBUAH SYARIKAT KOREA SELATAN YANG MENDAPAT KONTRAK UTAMA MENYIAPKAN KAMPUS UTM. -- LAGI 1255/PA

MAHATHIR-UTM 2 JOHOR BAHRU

PERDANA MENTERI YAKIN PARA BELIA PELATIH ATAU LEPASAN KEM ITU TIDAK AKAN MENGECEWAKAN HARAPAN NEGARA.

MEREKA ADALAH GOLONGAN BERDISIPLIN DAN TERLATIH DENGAN CARA DAN ETIKA KERJA ORANG KOREA YANG MEMENTINGKAN KERAJINAN.

KATA PERDANA MENTERI KALAU ADA DISIPLIN DAN SEMANGAT UNTUK BEKERJA, KECEKAPAN DAN KEKUATAN AKAN DATANG DENGAN SENDIRINYA.

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA ORANG MELAYU MASIH KETINGGALAN DALAM MENGUASAI TEKNOLOGI MODEN DALAM BIDANG PEMBINAAN.

KATANYA KALAU ORANG MELAYU SENDIRI MASIH ENGGAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN, NESCAYA MEREKA AKAN TERTINGGAL LEBIH JAUH.

-- LAGI 1313/PA

NNNN

ZCZC B542

MAHATHIR-UTM 3 JOHOR BAHRU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETENGAH-SETENGAH DARIPADA TEGURAN TERHADAP KEUPAYAAN ORANG MELAYU DALAM BIDANG PEMBINAAN ADALAH BERASAS.

KERJA ORANG MELAYU TIDAK SEMPURNA KERANA MEREKA TIDAK ADA SEMANGAT DAN MINAT UNTUK BEKERJA WALAUPUN SEPERTI ORANG LAIN MEREKA MEMPUNYAI KEBOLEHAN.

MALAHAN ADA ORANG MELAYU SENDIRI KURANG YAKIN AKAN KEUPAYAAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BUMIPUTERA UNTUK MENYIAPKAN SESUATU PROJEK, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEGUR SIKAP SETENGAH-SETENGAH ORANG MELAYU YANG MASIH BERSIKAP BAHAWA MEREKA SENTIASA BOLEH MEMINTA KERAJAAN MEMBANTU MEREKA.

KATA BELIAU ORANG LAIN KETIKA BERDEPAN-DEPAN MUNGKIN TAKUT KEPADA ORANG MELAYU YANG MASIH BERSIKAP DEMIKIAN TETAPI APABILA DI BELAKANG, ORANG MELAYU DITERTAWAKAN.

-- LAGI 1316/PA

MAHATHIR-UTM & JOHOR BARU

INI ADALAH KALI KEDUA DALAM TAHUN INI PERDANA MENTERI MELAWAT KEM LATIHAN KEMAHIRAN ITU.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN MENTERI BESAR JOHOR DATUK ABDUL AJIB AHMAD MENGIRINGI BELIAU.

PERDANA MENTERI DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PENCAPAIAN DAN MASALAH KEM TERSEBUT OLEH PENGARAH URUSAN KOBENA ENCIK WAHIDUDDIN ABDUL WAHAB.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELIHAT BERBAGAI JENIS LATIHAN KEMAHIRAN DALAM TEKNOLOGI PEMBINAAN YANG DIAJAR KEPADA PARA PELATIH OLEH JURULATIH KOREA DAN TEMPATAN.

KEM ITU KINI SEDANG MELATIH KUMPULAN KEDUA SERAMAI 310 ORANG. KUMPULAN PERTAMA 212 ORANG TAMAT LATIHAN ENAM BULAN PADA SEPTEMBER LALU DAN KINI BEKERJA MEMBINA KAMPUS UTM.

SELEPAS ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAWAT TAPAK PROJEK KAMPUS INDUK UTM TIDAK JAUH DARI KEM LATIHAN ITU.

-- BERNAHA 1319/PA